

ARTIKEL KESELAMATAN JALAN RAYA:

BANTULAH ANAK-ANAK MENGAMALKAN ILMU PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA

Saban hari, media massa memaparkan akan keterlibatan kanak-kanak dalam kes-kes nahas jalan raya sama ada secara bersendirian mahu pun bersama ahli keluarga. Sesungguhnya amat malang bagi sesebuah keluarga, malah sesebuah negara yang kehilangan sumber tenaga manusia yang berpontensi menjadi modal insan yang berdaya saing membangunkan masa depan negara. Kehilangan satu nyawa, bermakna kehilangan satu sumber manusia bagi masa depan negara.

Berdasarkan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006 - 2010, Kementerian Pengangkutan menjadikan 4E (*Engineering, Enforcement, Education, Enviroment*). Lanjutan daripada pelan keselamatan tersebut, Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) diperkenalkan di sekolah secara formal hasil kerjasama pintar dua kementerian iaitu Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pendidikan Malaysia sejak 2008 kepada murid tahun satu secara berperingkat.

Pengajaran ilmu keselamatan jalan raya di dalam bilik darjah melalui mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajarkan secara penyerapan ilmu keselamatan jalan raya. Bagi membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, modul guru dan buku aktiviti PKJR dibekalkan ke setiap sekolah untuk kegunaan murid dan guru. Konsep modul dan buku aktiiviti PKJR dibina berasaskan penggunaan bersama dengan guru dan ibu bapa ketika di rumah. Oleh itu, ibu bapa seharusnya turut serta dalam memberikan pengetahuan berkaitan ilmu keselamatan jalan raya kepada anak-anak mereka berdasarkan situasi sebenar ketika di jalan raya.

Ibu bapa haruslah menunjukkan contoh terbaik untuk anak-anak dengan mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya. Sokongan dan bantuan bagaimana yang perlu diberikan oleh ibu bapa dan ahli masyarakat dalam membantu kanak-kanak mengamalkan ilmu keselamatan jalan raya yang dipelajari di dalam bilik darjah?. Langkah pertama yang boleh dilakukan ibu bapa yang menghantar anak- anak ke

sekolah perlu memastikan penunggang dan pembonceng motosikal memakai topi keledar dengan betul sebelum memulakan perjalanan. Pastikan topi keledar yang dipakai menepati ciri-ciri keselamatan yang betul. Begitu juga cara pemakaian juga perlu betul. Talinya diikat kemas agar topi keledar tidak tercabut jika berlaku sesuatu nahas. Kedua, Ibu bapa perlu memastikan anak-anak naik dan turun kenderaan di sebelah kiri jalan raya, ketiga, ibu bapa atau orang dewasa seharusnya menemani serta membimbing anak-anak melintas jalan di tempat yang sesuai dan selamat seperti di lintasan lampu isyarat serta jejantas dan keempat, ibu bapa atau pemandu dewasa perlu mematuhi peraturan lampu isyarat. Jika lampu isyarat berwarna merah, maka pemandu perlu memberhentikan kenderaan, manakala jika warna hijau bolehlah meneruskan perjalanan.

Apa yang diperhatikan kanak-kanak, mereka sering mendapati pemandu dewasa terus menerus tidak mematuhi lampu isyarat di jalan raya. Pemerhatian kanak-kanak akan sikap dan tingkah laku pemandu ketika berada di jalan raya menjadikan mereka keliru kerana apa yang dipelajari dalam ilmu pendidikan keselamatan jalan raya tidak selari dengan apa yang berlaku di dunia sebenar. Akhir sekali, pesanan, ingatan dan doa ibu bapa atau penjaga yang berterusan diberikan kepada anak-anak sewaktu ingin menjadi pengguna jalan raya. Sesungguhnya ibu bapa atau orang dewasa adalah suri teladan kepada anak-anak. Tingkah laku mereka menjadi ikutan.

Justeru, bantulah anak-anak untuk mengamalkan ilmu keselamatan jalan raya yang dipelajari dalam situasi sebenar di jalan raya melalui sokongan ibu bapa dan pengguna jalan raya dewasa. Ibu bapa dan orang terdekat serta pengguna jalan raya dewasa perlu menunjukkan contoh yang baik supaya ianya menjadi ikutan dan pendidikan secara tidak langsung kepada kanak-kanak. Sayangilah dan bantulah mereka untuk menjadi pengguna jalan raya yang berhemah.

Penulis:

1. Norainy Binti Othman (Ts)

Pegawai Penyelidik (Sosial)

Kluster Penyelidikan Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR)

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

2. Dr. Mazlan bin Ismail

Kementerian Pendidikan Malaysia